

UCAPAN DASAR
YB DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN,
PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH
KONGRESS PBS YANG KE-23, 1 NOVEMBER 2008
HONGKOD KOISAAN PENAMPANG, SABAH

PENGENALAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat pagi, selamat datang, salam sejahtera dan salam bersatu kepada tuan-tuan dan puan-puan para perwakilan dan pemerhati yang saya hormati sekalian. Izinkan saya memulakan ucapan dasar saya pada pagi ini dengan ucapan syukur kita kepada Tuhan yang maha Esa oleh kerana dengan berkat dan kasihnya kita diizinkan sekali lagi untuk bertemu dan bersua muka dalam suasana yang bahagia ini.

2. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua cawangan dan bahagian Parti Bersatu Sabah seluruh Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan, yang telah berjaya mengadakan mesyuarat agung masing-masing pada tahun ini. Sesungguhnya komitmen, usaha dan pengorbanan anda semua sebagai ahli Parti Bersatu Sabah di peringkat cawangan dan bahagian untuk

melaksanakan tanggungjawab untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan masing-masing tahun ini telah memungkinkan Persidangan Perwakilan Tahunan PBS pada hari ini dapat diadakan.

Tuan-tuan dan puan-puan

3. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, negara kita baru sahaja melalui pilihanraya umum awal tahun ini dan sekali lagi Barisan Nasional telah dikembalikan oleh rakyat Malaysia sebagai parti pemerintah kerajaan Persekutuan dengan mandat yang cukup dan memadai. Saya tidak nafikan terdapat desas desus mengenai usaha pihak tertentu untuk menimbulkan keraguan rakyat terhadap kerajaan, namun semuanya itu tidak berasas, hanya permainan politik Pembangkang untuk menimbulkan keraguan dan memecah-belahkan rakyat.
4. **Apa yang penting ialah kita tidak terpengaruh dengan dakyah politik mereka. Barisan Nasional masih kukuh dan tiada sebab mengapa harus wujud keraguan kemampuan Barisan Nasional untuk terus memerintah 5 tahun lagi ke hadapan.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

PBS SEMAKIN MATANG

5. PBS kini sudah berusia 23 tahun. Dalam tempoh yang singkat ini kita telah mengharungi banyak cabaran. Namun kita telah melalui liku-liku perjuangan kita yang diwarnai dengan peristiwa pahit manis dengan tabah, penuh semangat dan pengorbanan. Bagi saya semua peristiwa yang berlaku telah ditakdirkan untuk menjadikan kita lebih matang dan kini lebih dihormati dan disegani.
6. Sejak diwujudkan kita tidak pernah berganjak dalam perjuangan ini. Kita telah menyuarakan dan memperjuangkan hak-hak dan kepentingan rakyat negeri Sabah dengan segala tenaga dan kemampuan kita. Bukankah kita berada di hadapan medan perjuangan dalam isu-isu mempertahankan institusi demokrasi negara ini seperti kebebasan bersuara, kebebasan beragama, daftar pemilih yang tercemar dengan nama-nama pengundi hantu dan lain-lain lagi.
7. Bukankah kita yang paling lantang bersuara dan paling banyak bertindak untuk memerangi masalah pendatang tanpa

izin, kad pengenalan palsu, pengundi hantu dan masalah-masalah lain yang berkaitan. Saya ingin ingatkan bahwa kita tidak setakat bersuara dalam majlis-majlis ceramah, atau di persidangan agung PBS, atau di Parlimen, tetapi kita telah mengambil tindakan termasuk tindakan mencari dan mengumpul bukti-bukti kukuh, menghantar memorandum kepada pihak berkuasa termasuk Perdana Menteri mengenai pendatang tanpa izin dan SPR mengenai pengundi hantu.

8. Kita juga membuat bantahan di hampir setiap bahagian mengenai daftar pemilih yang kita ragui, dan dimana perlu, kita telah membawa kes-kes tertentu kepada mahkamah untuk pengadilan, termasuk kes Likas dimana kita mencabar keputusan pilihanraya disebabkan kehadiran pengundi hantu dalam daftar pemilih. Sebagaimana yang kita semua maklum, kita mencapai kemenangan dan sekaligus kita membuktikan bahawa apa yang kita suarakan selama ini adalah benar dan berasas.
9. Mungkin ada di antara orang-orang kita sendiri yang ragu-ragu dan mengatakan, itu dulu tapi sekarang PBS senyap, tidak lagi banyak bersuara. Saya juga mendengar tuduhan-

tuduhan seperti ini, tapi saya tidak salahkan mereka kerana mungkin mereka tidak mengetahui apa yang PBS sudah lakukan.

Tuan-tuan dan puan-puan

10. Kita sebenarnya tidak pernah berdiam diri. Malah kita lebih aktif dan lebih banyak menyuarakan isu-isu, hak-hak dan kepentingan rakyat negeri Sabah. Namun hakikatnya, kita bukan lagi parti pembangkang. Kalau dulu kita dalam Pembangkang kita mengkritik kerajaan dan menyuarakannya secara lantang, kita kini adalah sebahagian daripada kerajaan sebagai anggota Kabinet dalam kerajaan negeri Sabah dan kerajaan Persekutuan.

11. Peranan kita sekarang bukan bersuara lantang mengkritik kerajaan untuk mencari populariti, tetapi peranan kita ialah membawa masalah-masalah yang dihadapi rakyat langsung ke dalam mesyuarat Kabinet atau langsung kepada Perdana Menteri dan Ketua Menteri Sabah.

Tuan-tuan dan puan-puan

12. Tiada faedah kita menyalak ke langit kalau tidak ada sesiapa yang mendengar kita. Setelah menyertai Barisan Nasional

pendekatan lebih halus. Kita tidak membuat tuntutan kita secara lantang melalui surat khabar tetapi kita akan merayu dan memujuk kepimpinan kerajaan untuk menerima cadangan-cadangan kita melalui saluran-saluran yang tersedia sebagai anggota kerajaan. Cara ini bagi saya lebih berkesan dan kita percaya kepimpinan kerajaan Barisan Nasional boleh dibawa ke meja perundingan.

13. Sebagai contoh, baru-baru ini YAB Dato' Timbalan Perdana Menteri mengumumkan operasi besar-besaran untuk menangkap pendatang-pendatang tanpa izin di negeri Sabah untuk menghantar mereka balik ke negara masing-masing. Keputusan kerajaan Persekutuan tidak didorong oleh suara lantang dari surat khabar. Keputusan kerajaan adalah disebabkan pujukan dan rayuan kita secara halus, dan kita berjaya meyakinkan kerajaan bahawa masalah pendatang tanpa izin sudah sampai tahap dimana rakyat Sabah tidak dapat menerimanya lagi. Saya ingin ingatkan tuan-tuan dan puan-puan bahawa PBS telah menghantar memorandum terperinci mengenai masalah-masalah rakyat negeri Sabah kepada kerajaan Persekutuan ketika pemimpin-pemimpin Ahli Majlis Tertinggi PBS membuat lawatan rasmi kepada YAB Perdana Menteri dalam tempoh terbaru ini.

14. Kita akan menghurai lebih terperinci mengenai perkara ini, namun dalam kesempatan ini, kita semua ingin mengalukan tindakan kerajaan yang kini masih lagi menjalankan operasi mengenal pasti dan menghantar balik warga asing yang ada di negara kita secara haram.

- 15. Kepada YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri dan YAB Ketua Menteri Sabah kita katakan syabas dan terima kasih.**

Tuan-tuan dan puan-puan

Perpaduan Kaum

16. Apabila PBS menjadikan perpaduan kaum sebagai teras perjuangannya, kita tidak sekadar bermain politik. Isu perpaduan adalah perkara serius kerana keselamatan negara terletak kepada perpaduan rakyat yang erat. Dalam pada itu, PBS adalah sebuah parti politik berbilang kaum yang kita banggakan. Dengan falsafah perjuangan berbilang kaum, kita berada di landasan yang betul. Kita tidak akan berundur dari pendirian ini. PBS adalah milik anda semua, dari semua kaum dan agama di negeri Sabah.

17. PBS mengalu-alukan sesiapa sahaja yang percaya dan menerima perjuangan PBS untuk menyertai parti ini. Marilah, bersama saya untuk berjuang di bawah panji-panji Parti Bersatu Sabah. Kita akan bersama-sama membentuk dan mengembangkan parti ini mengikut acuan kita sendiri. Kita bersama-sama akan tentukan arah dan halatuju perjuangan kita kerana anda dan saya tahu apa yang rakyat inginkan. Walau pun kita sudah berada dalam Barisan Nasional, kita mempunyai identiti kita tersendiri. Peranan kita adalah untuk mengadakan perundingan dan bekerjasama dengan Barisan Nasional agar perjuangan rakyat Sabah menjadi agenda politik Barisan Nasional. Selagi Barisan Nasional memperjuangkan hak-hak dan kepentingan rakyat negeri Sabah, tiada sebab kita ragu-ragu untuk terus menyokong Barisan Nasional.

18. Harapan kita ialah untuk terus membudayakan perpaduan sebagai cara hidup seharian. Kita mahu rakyat berfikir Malaysia sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang suku kaum. Kita ingin melihat rakyat Malaysia keluar dari kepompong perkauman khususnya apabila dalam soal pembangunan negara. Ini tidak bermakna masalah

perkauman akan hilang begitu sahaja. Apa yang kita harapkan ialah sesama kita akan mulai belajar hidup berjiran dengan baik, saling hormat menghormati dan dapat menyelesaikan masalah sesama sendiri dengan semangat persefahaman, toleransi dan kasih sayang.

19. Kita akan berpolitik seperti orang yang beradab dan bermaruah. Kita menghormati perlembagaan dan kita tidak akan melakukan perkara-perkara di luar batasan Perlembagaan. Kita akan pelihara martabat manusia dan kita percaya pihak lawan akan berbuat perkara yang sama. PBS tidak akan membenarkan sesiapa dilayan begitu rupa sehingga maruah dan martabat terjejas.

20. PBS akan terus bersuara agar undang-undang tidak disalah guna. Berhubungan dengan ISA, kita berharap ianya hanya digunakan untuk kes-kes serius yang betul-betul memudaratkan keselamatan negara misalnya, terhadap pengganas yang kejam dan membinasa. Kita sama sekali tidak bersetuju undang-undang ISA digunakan untuk kes-kes biasa dimana boleh ditangani oleh undang-undang yang sedia ada. Kita tidak akan setuju undang-undang ISA atau undang-

undang lain digunakan untuk memenuhi agenda politik mana-mana pihak. Dalam konteks ini, sememangnya ada perkara-perkara pokok yang perlu disemak balik dalam akta asal ISA. Kepimpinan parti akan menghantar memorandum kepada kepimpinan BN dalam masa yang terdekat ini.

21. PBS akan terus melindungi kepentingan Sabah seperti termaktub dalam Perlembagaan. PBS bersuara mengenai dengan Borneonization dengan meminta agar anak-anak muda dari Sabah diberi peluang untuk mendapat jawatan-jawatan di Semenanjung Malaysia. Kita juga menyuarakan isu ketidak-seimbangan pembangunan di antara wilayah.

22. Kita berjuang untuk kebebasan beragama. Kita membawa isu-isu berkaitan kebebasan beragama kepada Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan Menteri Dalam Negeri. Namun kita tidak ingin melaung-lanungkan tindakan kita di surat khabar semata-mata untuk mendapat perhatian atau untuk menjadi popular. Kita berada dalam BN dan kita punya saluran yang tersedia. Peranan kita sebagai pembangkang berlainan bila kita berada dalam kerajaan.

23. Tetapi pengorbanan anda yang terukir pada dinding peringatan yang dimeterai oleh titik peluh dan jerih payah, usaha dan komitmen luar biasa, semangat patriotisme dan cinta kepada negara telah mencipta suatu sejarah yang tidak mungkin dilupakan.

Tuan-tuan dan puan-puan

24. Saya berterima kasih kerana tuan-tuan dan puan-puan terus menerajui perjuangan ini. Saya berterima kasih kerana walaupun sudah ramai yang kecundang dalam perjuangan di tengah jalan dan telah meninggalkan kita, namun anda semua, baik di dalam dewan ini dan juga mereka di seluruh pelusuk negeri Sabah, masih tetap berdiri teguh di bawah panji-panji Parti Bersatu Sabah melafazkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi kepada matlamat perjuangan parti.

25. **Syabas-syabas saudara-saudari ku yag ku kasihi. Semuga Tuhan Maha Esa memberkarti dan membalas budi anda semua.**

PERJUANGAN POLITIK YANG TULIN DAN TABAH

Tuan-tuan dan puan-puan

26. Perjuangan PBS seperti dalam perlembagaannya tidak berubah. Kita masih berjuang demi untuk mempertahankan demokrasi, membudayakan perpaduan, mempertahankan mertabat manusia, memperjuangkan ekonomi rakyat, melindungi hak dan kepentingan negeri Sabah, menjamin kebebasan beragama serta kebebasan-kebebasan yang lain
27. Perjalanan kita masih jauh kerana perjuangan baru separuh jalan. Dulu pernah menerajui kerajaan dan kita juga pernah menjadi pembangkang, dan kini atas persetujuan bersama kita telah menjadi sebahagian dari kerajaan pemerintah. Namun perjuangan kita tidak pernah berubah. Cara kita mungkin berubah tetapi matlamat kita tetap sama.
28. Teman-teman seperjuangan ku, saya mengajak anda semua agar teguhkan perjuangan. Bersama kita terus mara ke hadapan. Pemimpin mungkin saling berganti, namun perjuangan berterusan. Anak-anak watan Sabah tidak akan berundur walau selangkah dari medan perjuangan.
29. **Sebagai pejuang bangsa yang bermaruah, harapan kepada generasi akan datang, pantang berundur sebelum**

selesai. Bak kata pepatah Melayu, “Biar putih tulang, jangan putih mata.”

30. Oleh yang demikian, kita perlu meneruskan perjuangan kita untuk memastikan masa depan anak-anak kita terus terjamin. Kita telah mencapai kemajuan untuk membawa kestabilan politik dengan penyertaan kita ke dalam Barisan Nasional. Namun, kita masih perlu bekerja keras memastikan agenda perjuangan kita akan berhasil.
31. Kita berterima kasih kepada kepimpinan Barisan Nasional kerana Parti Bersatu Sabah kini menjadi anggota Kabinet di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Kini kita mempunyai saluran untuk membawa masalah rakyat secara langsung kepada perhatian kepimpinan negara. Kita tidak lagi hanya bersuara tetapi kita kini mempunyai peranan dalam menggubal dan melaksana dasar pembangunan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan

Isu-isu yang Menjejaskan Perpaduan Kaum

32. Perjuangan kita adalah untuk merealisasikan perpaduan yang berkekalan. Saya telah membawa sebahagian rakyat negeri

Sabah khususnya ahli-ahli Parti Bersatu Sabah yang menyokong perjuangan saya untuk menyertai Barisan Nasional semata-mata untuk menyatu-padukan rakyat dan untuk memastikan rakyat Sabah dari suku dan keturunan berlainan, tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

33. Saya harap agar dalam pelaksanaan program-program pembangunan, penyertaan kaum-kaum tertentu tidak diabaikan. Saya merasa agak bimbang kerana sebahagian rakyat Sabah merasa diri mereka terpinggir dan ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Saya menerima aduan-aduan atau mendengar rintihan rakyat Sabah dari semua kaum yang mengatakan mereka ketinggalan dalam merebut peluang-peluang perniagaan dan juga peluang-peluang pekerjaan dan mahukan perhatian dan bantuan kerajaan.

Peluang-Peluang Pekerjaan dan Perniagaan

34. Saya sedih kerana masih ramai anak-anak generasi muda yang berkelelahan dan berkeupayaan yang pada umumnya, merasa tidak berpuas hati kerana mereka masih merasakan dan percaya unsur perkauman masih menjadi kayu pengukur

untuk mendapat peluang pekerjaan di jabatan-jabatan atau agensi-agensi Persekutuan. Mereka merasakan bahawa diri mereka tersisih apabila merebut peluang-peluang perniagaan atau untuk mendapat lesen-lesen atau projek-projek pembangunan Persekutuan walaupun mereka mempunyai kelayakan. Persepsi bahawa hanya kumpulan-kumpulan tertentu yang memonopolikan peluang boleh mengakibatkan anak-anak generasi muda hilang keyakinan terhadap sistem pengagihan faedah pembangunan.

Tuan-tuan dan puan-puan

35. Sebenarnya saya menyedari aduan ini bukan hanya andaian semata-mata kerana, statistik membuktikan bahawa jumlah anak-anak muda Sabah dan Sarawak dalam perkhidmatan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan Persekutuan tidak seimbang dengan nisbah penduduk berkenaan. Misalnya puluhan ribu anak-anak muda Bumiputra dari Sabah dan Sarawak berhijrah ke Semenanjung Malaysia setiap tahun untuk mencari pekerjaan di pusat-pusat membeli belah dan kilang-kilang perindustrian walaupun mereka mempunyai kelayakan. Tetapi kehadiran mereka dalam perkhidmatan awam Persekutuan terhad kepada beberapa orang yang bernasib baik.

36. Saya juga percaya bahawa adalah tidak benar bahawa anak-anak muda Sabah dan Sarawak tidak berminat bekerja di Semenanjung Malaysia oleh kerana puluhan ribu sudah bekerja dan menetap di Lembah Klang, Johor Bahru dan lain-lain lagi. Mereka tertumpu kepada pekerjaan dalam industri hanya kerana peluang bagi mereka untuk bekerja dalam jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan Persekutuan tidak wujud.
37. Demikian juga dengan peluang perniagaan dimana, anak-anak generasi muda Sabah mempersoal mengapa ruang peluang dan perkembangan perniagaan mereka seolah-olah tersekat sedangkan mereka mempunyai kelayakan dan keupayaan pengurusan yang sama berbanding dengan masyarakat-masyarakat lain. Sebenarnya saya simpati dengan rintihan anak-anak muda Sabah yang mahukan peluang seimbang agar impian mereka juga suatu hari nanti akan terpapar di surat-surat khabar seperti peniaga-peniaga yang sudah berjaya di Semenanjung Malaysia.
38. Amat menyedihkan apabila anak-anak muda bertanya mengapa syarikat-syarikat besar, bangunan-bangunan besar,

kilang-kilang besar dan ladang-ladang besar menjadi milik orang lain dan bukan rakyat tempatan. Malah anak-anak muda merasakan diri mereka tidak dapat berbangga dengan pencapaian ekonomi negara kerana harta kekayaan bukan milik mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan

39. Parti Bersatu Sabah akan memastikan masalah-masalah seperti ini akan mendapat perhatian kerajaan Persekutuan. Kita akan merayu dan mendesak agar kerajaan memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah wajar agar lebih ramai anak-anak muda yang berkecayuan dari Sabah dan Sarawak diberi pekerjaan dan perniagaan dalam jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan Persekutuan.

40. Perkara ini jika tidak ditangani, menggambarkan suatu kepincangan dalam pelaksanaan dasar ekonomi negara. Tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa, kekurangan peluang dalam perniagaan adalah di antara sumber ketidakpuasan rakyat di rantau ini. Kita akan meminta kerajaan untuk memberi peluang kepada anak-anak kita yang berkeupayaan dalam perniagaan agar mereka dapat mengasah bakat mereka sebagai usahawan melalui galakan-galakan,

latihan-latihan dan pemberian projek-projek, lesen-lesen, dan lain-lain peluang perniagaan yang boleh diberikan.

41. Kita akan memastikan agar kerajaan dapat mengotakan janji untuk menubuhkan sebuah agensi dalam Unit Perancang Ekonomi Persekutuan bagi memantau penyertaan kaum-kaum Bumiputera Sabah (Natives) dalam peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan. Namun kita tidak akan abaikan kepentingan-kepentingan kaum-kaum lain untuk sama-sama menikmati peluang-peluang yang disediakan kerajaan.

42. Secara khusus kita juga akan mencadangkan kepada kerajaan agar syarikat-syarikat milik kerajaan (Government Link Companies) akan membuka ruang kepada anak-anak tempatan kita untuk bukan sahaja mendapat pekerjaan tetapi juga menduduki jawatan-jawatan penting di peringkat pengurusan dan mendapat peluang-peluang perniagaan. Kita masih tidak berpuas hati dengan penyertaan kaum Bumiputera Sabah dalam syarikat-syarikat GLC. Negeri Sabah mempunyai ramai anak-anak muda berbakat seperti Datuk Idris Jala yang berasal daripada Sarawak, kini terkenal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Namun mereka

masih menanti peluang diberikan oleh syarikat-syarikat GLC untuk membuktikan kemampuan mereka.

43. Untuk tujuan ini, PBS akan menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan secara keseluruhan dan mencadangkan kepada kerajaan langkah-langkah yang perlu diambil.

Industri Minyak

44. Oleh yang demikian, saya menyeru agar GLC seperti Petronas tidak mengabaikan tanggungjawab mereka dengan memastikan peluang-peluang perniagaan diberikan kepada anak-anak tempatan. Kita juga inginkan Petronas mengagih-agihkan peluang-peluang, baik yang kecil mahu pun besar secara adil dan saksama dan membantu agar usahawan-usahawan tempatan berpeluang untuk berjaya dalam bidang masing-masing. Tiada gunanya negeri Sabah menjadi pengeluar minyak terbesar suatu hari nanti sekiranya faedah pembangunan tidak dinikmati anak-anak tempatan.
45. Oleh yang demikian, kita berpendapat industri minyak dan gas perlu perhatian khusus kerana Sabah akan menjadi

pengeluar minyak dan gas terbesar tidak lama lagi. Saya mencadangkan agar PBS menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji perlembangan industri minyak dan gas di negeri Sabah dan seterusnya mengkaji peluang-peluang dan penyertaan anak-anak tempatan dalam industri minyak dan gas dan melaporkan hasil kajian mereka kepada saya untuk tindakan parti selanjutnya.

Tuan-tuan dan puan-puan

Pertanian dan Perikanan

46. Kita juga tahu bahawa negeri Sabah kaya dari segi sumber tanah dan perikanan laut. Kepada petani-petani dan nelayan-nelayan miskin, kita tidak akan abaikan sama sekali. Kita akan menyumbang suara agar mereka akan menikmati kekayaan bumi Sabah secara saksama.

47. Kita sedari ladang-ladang kelapa sawit kebanyakannya bukan milik rakyat tempatan tetapi dimiliki oleh mereka yang mempunyai modal besar dan kini menguasai sebahagian besar kekayaan negeri Sabah. Kita juga menyedari bahawa bukan rakyat tempatan yang mendapat peluang pekerjaan di ladang-ladang kelapa sawit milik syarikat-syarikat besar.

- Kita juga menyedari di beberapa daerah, penduduk pekerja asing melebihi jumlah penduduk asal dan ini telah menimbulkan kebimbangan dan keresahan rakyat tempatan.
48. Saya akan meminta cerdik pandai PBS untuk mengkaji masalah ini secara mendalam untuk mencari jalan bagaimana kita sebagai rakyat tempatan tidak ketinggalan dalam pembangunan pertanian. Kita harus bijak dan mencari jalan yang sesuai. Kita pastikan rakyat tempatan mendapat manfaat dari pembangunan pertanian oleh syarikat-syarikat tempatan.
 49. Untuk memastikan impian kita menjadi kenyataan, PBS akan menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji masalah-masalah kita dan juga peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang ada dalam industri pertanian, perikanan dan pembangunan perladangan.

Hak Kebebasan Beragama

50. Hak kebebasan beragama adalah salah satu jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Saya percaya kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin kerajaan

komited kepada jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan tersebut dan tidak akan melakukan tindakan yang boleh menjejaskan perhubungan kaum dan ketenteraman awam. PBS sedar tentang kerisauan sebahagian rakyat Malaysia mengenai isu-isu tertentu yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama.

51. PBS prihatin terhadap kerisauan dan rintihan rakyat dan setakat mana yang mampu akan membantu mereka yang bermasalah untuk mencari penyelesaian agar segala kerisauan atau masalah dapat diselesaikan dengan baik. Kita menyedari ada pihak-pihak tertentu yang tidak berpuas hati dan menuduh kononnya PBS berdiam diri dalam kes-kes tertentu. Namun saya ingin jelaskan bahawa sangkaan dan tuduhan tersebut tidak benar. PBS sedar dan telah bertindak sesuai dengan keperluan. Tetapi PBS sebagai parti berbilang kaum tidak berniat untuk memperhebohkan isu-isu sensitif yang mungkin akan menjejaskan hubungan baik di antara kerajaan dan kumpulan-kumpulan keagamaan tertentu.
52. Saya ingin yakinkan tuan-tuan dan puan-puan, dalam suatu kes tertentu misalnya, PBS tidak berdiam diri. Malah PBS melalui Menterinya dalam Kabinet Persekutuan telah

- membawa aduan mengenai pengharaman pencetakan buku-buku agama tertentu langsung kepada perhatian YAB Perdana Menteri dan Menteri-Menteri berkenaan dan juga agensi-agensi kerajaan termasuk Peguam Negara untuk mencari penyelesaian.
53. Dalam pada itu, saya ingin menyeru agar kita bersama-sama mencari penyelesaian dalam suasana kekeluargaan tanpa menjejaskan hubungan baik antara kaum dan agama yang kita nikmati selama ini. Sementara itu, saya juga ingin ingatkan agar agensi-agensi kerajaan agar tidak terburu-buru mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak tanpa mengambil kira hak-hak penganut-penganut agama tertentu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.
54. Dalam pada itu, **PBS akan memperkukuhkan jentera parti sedia ada untuk menangani isu-isu berkaitan dengan hak kebebasan beragama dan kita akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan untuk menyelesaikan aduan-aduan yang diterima dari pihak-pihak yang merasa diri mereka teraniaya.**

Tuan-tuan dan puan-puan

Ancaman Pendatang Tanpa Izin

55. Kehadiran lebih sejuta pendatang asing termasuk ratusan ribu pendatang tanpa izin adalah merupakan ancaman serius kepada kestabilan politik serta maruah negara yang berdaulat. Masalah ini sebenarnya bukan perkara baru dan ianya tidak tertumpu hanya kepada negeri Sabah sahaja. Kita sedia maklum bahawa masalah pendatang tanpa izin juga wujud di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, masalah ini adalah merupakan masalah nasional yang memerlukan perhatian dan penyelesaian nasional. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, dan dibiarkan berterusan tanpa penyelesaian. Saya percaya ia akan menimbulkan masalah sosial yang lain dan akan mengancam kedaulatan negara.
56. Sebagai sebuah parti politik yang prihatin dan bertanggung jawab, Parti Bersatu Sabah akan terus memberi perhatian terhadap isu-isu berikut dan membawa kepada perhatian kerajaan Persekutuan.
57. Di antara perkara yang akan diberi perhatian ialah:

- a. PBS akan terus memantau kehadiran pendatang asing tanpa izin dan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan segera.
- b. Kita akan memantau aduan-aduan mengenai kemungkinan kad pengenalan palsu termasuk Mykad dikeluarkan kepada pendatang asing tanpa melalui proses yang sah dan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan.
- c. PBS akan memantau aduan-aduan kemungkinan warga asing masuk ke dalam perkhidmatan awam dengan menggunakan dokumen palsu atau dokumen yang sah tetapi diperolehi secara haram dan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.
- d. PBS akan terus memantau dan bertindak terhadap mana-mana aduan dan bekerjasama dengan SPR untuk menangani masalah nama-nama yang disyaki sebagai pengundi hantu atau warga asing yang terdaftar dalam daftar pemilih secara haram.

- e. PBS mengambil berat dan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menangani masalah kanak-kanak tidak berwarga negara (stateless children) khususnya untuk mencari jalan penyelesaian melalui perundingan dengan negara-negara asal kanak-kanak tersebut.
- f. PBS akan terus mendesak agar kerajaan Persekutuan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah yang telah berlarutan sejak penubuhan Malaysia.
- g. PBS akan memantau kes-kes jenayah yang melibatkan pendatang asing dan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk memastikan rakyat negeri Sabah selamat.
- h. PBS akan memantau keberkesanan penguat-kuasaan sempadan negara dan akan memberi kerjasama untuk memastikan kemasukan pendatang asing dihalang dengan berkesan.
- i. PBS akan bekerjasama untuk memantau pusat-pusat setingan dan penempatan haram oleh pendatang asing di

seluruh Sabah dan memastikan agar tiada penduduk tempatan memberi perlindungan kepada mereka.

- j. PBS akan memantau dan menyiasat semua aduan mengenai tanah kerajaan atau tanah penduduk kampung diduduki oleh pendatang asing dan akan memberi laporan kepada pihak polis untuk tindakan.

Tuan-tuan dan puan-puan

58. Sebenarnya dalam ucapan saya di Parlimen ketika membahas “Mid Term Review of Malaysia Plan” saya telah mencadangkan kepada kerajaan agar langkah-langkah segera diambil untuk menangani masalah-masalah pendatang asing dan tarikh penyelesaian harus ditetapkan pada tahun 2011. Saya mencadangkan tarikh sasaran penyelesaian kerana kita memerlukan tindakan yang berkesan dan bukan setakat retorik sahaja. Dengan tarikh sasaran kita akan dapat menilai keberkesanan usaha agensi-agensi kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.
59. Secara khusus, kita mencadangkan agar kerajaan Persekutuan meningkatkan usaha untuk menyelesaikan masalah tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah termasuk membawa perkara

tersebut ke dalam perbincangan dua hala. Masalah ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana ianya memberi alasan kukuh kepada pelarian dari Filipina untuk datang ke negeri Sabah yang pasti akan menggugat keselamatan dan kedaulatan negara.

60. Kita berterima kasih kepada pihak keselamatan kerana kita tahu mereka telah menjalankan kawalan dalam perairan negeri Sabah dan kita membaca berita-berita penangkapan dalam surat khabar, namun kita juga mengetahui bahawa pendatang asing, baik dari Filipina mahupun Indonesia terus membolosi sempadan negara ini. Kita menyeru agar pihak keselamatan mengadakan rondaan yang lebih ketat dan menyeluruh agar semua jalan-jalan rahsia dapat disiasat.

61. PBS juga akan mencadangkan agar semua permohonan kerja atau permohonan lesen, pemohon-pemohon tersebut harus mengeluarkan pengenalan tambahan seperti surat beranak sebagai bukti kerakyatan. Tindakan ini penting kerana kita tahu bahawa banyak kad pengenalan termasuk Mykad yang palsu telah dikeluarkan secara haram. Kerajaan sedang berusaha untuk menangani masalah ini tetapi kita percaya ianya belum dihapuskan. Oleh itu, kita akan meminta kepada

- kerajaan agar mewajibkan dokumen pengenalan kedua selain kad pengenalan bagi setiap permohonan yang melibatkan agensi kerajaan.
62. Kita juga akan meminta agar surat akuan yang dikeluarkan oleh Ketua-ketua Kampung atau Ketua-ketua Anak Negeri tidak diterima sebagai surat pengenalan. Kita menyedari bahawa beberapa agensi kerajaan sudah mulai mewajibkan pemohon-pemohon perkhidmatan untuk mendapat perakuan kad pengenalan mereka di Jabatan Pendaftaran sebelum diterima sebagai dokumen yang sah. Kita syorkan agar dasar ini dikembangkan kepada semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan terutamanya dalam pengeluaran lesen-lesen perniagaan dan juga permohonan-permohonan perkhidmatan kerajaan.
63. PBS akan mengambil langkah-langkah agar kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri akan mengambil tindakan keras terhadap majikan-majikan yang mengambil pekerja dari kalangan pendatang haram tanpa kebenaran kerajaan mengikut undang-undang yang sedia ada.

Tuan-tuan dan puan-puan

PERJUANGAN BELUM SELESAI

Kemajuan Status Sosio-Ekonomi Rakyat

64. Atas dasar prihatin terhadap pembangunan yang boleh membawa perubahan kepada rakyat, kerajaan Pesekutuan telah memperkenalkan beberapa koridor pembangunan. Salah satu daripadanya ialah Koridor Pembangunan Sabah (Sabah Development Corridor atau SDC). SDC telah dilancarkan pada awal tahun ini dan tujuan murninya ialah untuk membantu meningkatkan kualiti hidup penduduk Sabah melalui pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang seimbang di antara wilayah dan juga di antara bandar dan luar bandar.
65. Strategi yang diadaptasi telah mengambilkira kekuatan dan kelebihan yang terdapat di negeri ini seperti kedudukan yang strategik, kekayaan sumber yang merangkumi budaya dan juga alam semulajadinya yang pelbagai. Faktor-faktor ini dilihat dapat mengembangkan pelbagai aktiviti ekonomi yang berdasarkan pertanian, pelancongan, perkhidmatan logistik dan perkilangan.

66. SDC menyediakan peluang yang terbuka kepada seluruh rakyat Sabah untuk mengenalpasti dan terlibat dalam pelbagai sektor yang mempunyai potensi untuk diterajui. Peluang yang tersedia menunggu untuk diterokai. Pengeluaran dalam pelbagai sektor pertanian misalnya, hanya tertumpu kepada pengeluaran bagi kegunaan tempatan sahaja. Import bagi barang makanan seperti beras, daging lembu dan pelbagai produk lain masih lagi tinggi. Potensi eksport dan pengeluaran bagi keperluan tempatan masih jauh daripada mencukupi. Oleh itu parti ingin mengajak dan mendorong agar anak-anak jati Sabah, berani untuk mengambil peluang dan risiko yang ada bagi menerokai peluang-peluang yang tersedia.
67. Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kekayaan sumber hutan kita dengan pelbagai species tumbuhan dan haiwan membuka satu lagi peluang ekonomi iaitu bidang bioteknologi. Bidang ini memanglah suatu bidang yang masih baru dan untuk menceburi bidang ini melibatkan penggunaan teknologi yang moden. Walau bagaimanapun kerajaan pada masa ini memberikan banyak sokongan kepada mana-mana pihak yang ingin melibatkan diri secara aktif di dalam bidang ini.

68. Hasrat kerajaan adalah untuk menjadikan bioteknologi sebagai satu sektor penting penjana ekonomi dan pendapatan negara. Kita ingin menggalakkan ahli-ahli parti untuk menimba pengetahuan dalam bidang ini dan mewujudkan rangkaian dengan individu atau syarikat sama ada di dalam negara mahupun luar negara bagi menjalankan usahasama dalam bidang bioteknologi.
69. Dalam masa yang sama, sudah juga tiba waktunya bagi masyarakat kita untuk mengambil langkah serius mendokumentasikan pengetahuan ‘indigenous’ dalam bidang ubat-ubatan tradisional. Jika ini tidak dilakukan, masyarakat kita mungkin akan kehilangan pengetahuan tersebut. Para pemimpin di semua peringkat harus mengadakan usaha sama di kalangan masyarakat setempat atau dengan mana-mana kumpulan tertentu bagi menjayakan projek dokumentasi ini.

Penambahbaikan dan Peningkatan Bekalan

Infrastruktur Asas

70. Berkaitan dengan infrastruktur asas di Sabah, memanglah kita masih jauh daripada mencapai status yang kita kehendaki. Kepimpinan parti menyedari hal ini dan kita

tidak akan berhenti untuk mengutarakan hal ini ataupun mencari jalan agar keadaan sekarang ini dapat diperbaiki. Antara kemudahan asas lain yang masih perlu diberikan perhatian ialah jaringan jalanraya di kawasan luar bandar serta jaringan jalan raya antara daerah, jalanraya menuju ke sekolah-sekolah, bekalan elektrik, bekalan air bersih, kemudahan infrastruktur pendidikan dan kesihatan.

71. Kepimpinan parti mengambil maklum bahawa keperluan untuk mengadakan dan menyediakan kemudahan asas ini amat penting. Di bawah Koridor Pembangunan Sabah, kerajaan Persekutuan bersama kerajaan Negeri berusaha untuk mengenalpasti keperluan-keperluan mendesak yang perlu ditangani segera. Ini merangkumi semua keperluan asas dan sokongan bagi memastikan program-program pembangunan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

72. Kita mohon agar para pemimpin di semua peringkat dapat memainkan peranan sebagai pemberi maklumat. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian boleh bertindak selaku penyampai maklumat mengenai keperluan-keperluan mendesak di kawasan masing-masing ke pejabat daerah dan agensi-agensi

berkenaan termasuk pejabat wakil rakyat di kawasan masing-masing.

73. Dalam empat tahun kebelakangan ini, kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) Persekutuan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Sabah telah berusaha untuk memperbaiki kemudahan asas di kawasan luar bandar terutamanya bekalan elektrik dan jalan-jalan kampung. Sebagai makluman, bekalan elektrik di kawasan luar bandar di Sabah telah mencapai hampir 80%. Ada di antara kawasan dan daerah yang telah mendapat bekalan elektrik di hampir semua kampung. KKLW pada tahun ini telah mengeluarkan arahan kepada semua pejabat daerah dan pejabat-pejabat wakil rakyat agar dapat memberikan maklumbalas mengenai kampung-kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik.
74. Daripada segi bekalan air bersih dan kemudahan kesihatan di luar bandar, kita mengakui bahawa masih banyak yang perlu ditambah dan diperbaiki. Kepimpinan Parti tidak akan berhenti untuk mengemukakan keperluan-keperluan ini melalui saluran yang sepatutnya. Kepimpinan dalam

kerajaan Barisan Nasional yang ada pada ketika ini cukup prihatin dengan keadaan pembangunan di Sabah dan parti akan mengambil peluang ini untuk mengutarakan segala keperluan yang sepatutnya kita terima.

Menghapuskan kemiskinan khasnya di luar Bandar

75. Kemiskinan merupakan satu permasalahan yang kompleks dan tidak mudah diatasi. Namun bentuk kemiskinan yang kita ingin hapuskan di sini adalah kemiskinan mutlak (absolute poverty) yang meranggut kebahagiaan dan impian ramai orang. Setelah sekian lama merdeka, tentulah menyedihkan kita bila mendengar dan melihat masih ada rakyat di negeri Sabah ini yang hidup "kais pagi makan pagi kais petang makan petang."
76. Kerajaan telah mengadakan pelbagai usaha demi untuk mengurangkan atau menghapuskan kemiskinan tegar di negeri ini. Salah satu daripadanya ialah pembukaan tanah pertanian seperti yang dilakukan di Semenanjung Pitas bagi tanaman getah. Projek Agropolitan di Pulau Banggi juga merupakan salah satu projek pembasmian kemiskinan yang diharapkan mendapat penglibatan ramai daripada golongan

sasaran. Parti akan berusaha untuk memastikan agar usaha-usaha pembasmian kemiskinan ini diteruskan dan memastikan bantuan yang diberi sampai kepada golongan sasaran.

77. Berkenaan dengan bantuan subsidi, secara khusus saya akan membawa perkara ini ke perhatian menteri berkenaan Subsidi padi yang diberi pada masa ini ialah sebanyak RM100 satu ekar dan kita harapkan agar ianya dapat dinaikkan kepada RM200. Jika permohonan ini diluluskan maka beban para petani, penanam padi yang menanggung kos pembajakan dan traktor sebanyak RM250 satu ekar dapatlah dikurangkan. Pihak parti akan bersuara dan bertindak supaya bantuan-bantuan subsidi bukan sahaja dikekalkan tetapi diperluaskan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

78. Demi menunaikan tanggungjawab sosialnya, kerajaan akan terus berusaha untuk menyediakan bantuan-bantuan yang diperlukan termasuk subsidi-subsidi yang selama ini diberikan kepada para penerima. Selain daripada bantuan-bantuan dan usaha daripada pihak kerajaan ini, saya ingin mendorong agar rakyat dan para penyokong parti semua dapat memupuk sikap berdikari, pro aktif, produktif dan

bersedia untuk belajar dan diajar. Dengan adanya sikap-sikap positif ini maka saya yakin kerajaan akan lebih senang untuk melaksanakan program-program pembangunannya pada masa akan datang.

Membekal Pekerjaan Kepada Rakyat Terutamanya Kepada Belia dan Beliawanis

79. Walaupun kadar pengangguran belia dan beliawanis di negeri Sabah ini belum mencapai tahap yang membimbangkan, namun ada tren tertentu misalnya penghijraan belia dan beliawanis ke semenanjung dan ke kawasan bandar. Tren pergerakan keluar golongan belia kita telah mengakibatkan kawasan pinggir bandar dan luar bandar mengalami fenomena kekurangan golongan belia dan yang tinggal hanya orang tua sahaja.

80. Kepimpinan Parti akan terus berusaha untuk menggunakan segala sumber yang kita ada untuk menyuarakan kepada pihak kerajaan dan swasta agar mengenalpasti industri-industri bersesuaian untuk dibangunkan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan belia kita.

81. PBS juga mengalu-alukan program pembangunan modal insan yang rancak diperkatakan untuk dilaksanakan secara serius di semua peringkat oleh pihak kerajaan. Kejayaan pihak kerajaan untuk menghasilkan lebih banyak tenaga kerja yang mahir dalam bidang-bidang tertentu bakal memberi manfaat kepada ekonomi negara di samping, memenuhi keperluan tenaga kerja yang semakin kompetitif pada masa kini.

82. Khusus bagi negeri Sabah, kepimpinan parti memang ingin melihat agar para belia dan beliawanis yang tidak mencapai tahap pendidikan yang tinggi dapat dilatih dengan kemahiran-kemahiran tertentu terutamanya kemahiran berbentuk teknikal dan spesifik kepada keperluan pembangunan di negeri ini. Dengan adanya latihan dan kemahiran tersebut, para belia dan beliawanis lebih mudah untuk diserap ke dalam pekerjaan.

83. Jika belia dan beliawanis memilih untuk bekerja sendiri dan mengusahakan tanah-tanah terbiar, kemahiran minimum dan pengetahuan asas mengenai perkara yang diceburi seharusnya boleh disediakan. Dalam hal ini, pihak kerajaan melalui institusi-institusi pendidikan yang relevan boleh

memberikan bantuan atau skim khas agar latihan yang diperlukan dapat diterima oleh golongan ini. Menerusi jentera yang sedia ada, kepimpinan parti akan melihat perkara ini dengan lebih serius supaya golongan belia kita lebih produktif.

Mengurangkan Harga Barangan Terutama

Barangan Asas

84. Kenaikan harga minyak petroleum di pasaran dunia sejak beberapa bulan yang lepas telah mengakibatkan kenaikan harga bahan api di dalam negara. Kenaikan ini membawa pelbagai implikasi negatif kepada ekonomi negara. Seterusnya golongan masyarakat di Malaysia sama ada peniaga, pengguna, kakitangan kerajaan atau swasta semuanya merasakan kesannya. Salah satu kesan yang timbul akibat daripada kenaikan harga minyak ialah kenaikan harga barang. Barangan keperluan harian misalnya barang makanan seperti beras, minyak masak dan sebagainya

85. Walau bagaimanapun, kerajaan BN turut berjanji bahawa dari masa ke semasa kerajaan akan mengkaji semula harga minyak petrol mengikut perubahan harga minyak di pasaran

dunia. Walaupun parti tidak mempunyai mekanisma tertentu untuk mengawal harga khususnya barangan asas, tetapi ini tidak bermakna kita tidak dapat berbuat apa-apa. Kita akan bekerjasama dengan pihak-pihak bertanggungjawab misalnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memantau harga barangan.

86. Peranan kita ialah memantau dan memberi maklumat sekiranya ada pihak-pihak khususnya peniaga yang menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya untuk mengaut keuntungan berlipatkaliganda. Kita juga akan menyokong apa-apa program yang boleh membantu mengurangkan harga barangan khususnya barangan asas supaya rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tidak dibebankan.

Meningkatkan Infrastruktur Pendidikan

Tuan-tuan dan puan-puan para,

87. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, Kementerian Pelajaran merupakan salah satu daripada kementerian yang telah menerima peruntukan terbanyak bagi belanja mengurus dan pembangunan. Saya turut merasa gembira kerana

peruntukan-peruntukan bagi sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak telah ditingkatkan. Ini menunjukkan komitmen yang besar daripada pihak kerajaan untuk membantu memperbaiki infrastruktur pendidikan di negeri ini yang sememangnya memerlukan banyak penambahbaikan.

88. Kesemua wakil kita dalam kerajaan negeri dan persekutuan telahpun memainkan peranan yang sebaiknya. Kebajikan rakyat dan para penyokong parti tidak akan diabaikan bahkan sentiasa diberikan keutamaan. Saya juga ingin meminta kerjasama daripada semua lapisan pemimpin pelbagai peringkat agar dapat bersatu hati mengutarakan perkara-perkara penting yang berkait rapat dengan kebajikan anak-anak kita di sekolah.
89. Seperkara lagi mengenai bidang pendidikan yang sering diutarakan oleh banyak pihak ialah kebajikan guru-guru yang berasal dari Sabah. Maklumat yang diterima oleh kepimpinan parti mengatakan bahawa Elaun Perkhidmatan Wilayah (EPW) guru-guru yang berasal dari Sabah ke wilayah lain tidak sebaik elaun yang diterima oleh guru-guru Semenanjung yang datang berkhidmat ke negeri Sabah.

Kepimpinan parti mengambil maklum akan perkara ini. Kita akan berusaha untuk menyelidiki kesahihan laporan yang diberikan dan seterusnya mengutarakan kepada kementerian berkenaan untuk diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

90. Selain daripada itu, isu utama yang sedang hangat diperkatakan sekarang ialah mengenai pengajaran mata pelajaran matematik dan sains dalam bahasa inggeris. PBS berpendapat bahawa sebelum apa-apa perubahan dilakukan dalam dasar ini, adalah diharapkan agar satu perbincangan menyeluruh dan terperinci dapat dilakukan bersama dengan semua pihak yang terlibat demi kebaikan bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan

PERJUANGAN DITERUSKAN

91. Perjuangan kita tidak akan tercapai sekiranya kita tidak membina generasi berkaliber dan memiliki budaya cemerlang dan daya tahan serta karakter dan kecekapan yang tinggi. Semangat yang berkobar-kobar tidak bermakna dan akan menjadi sia-sia sekiranya kita tidak melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkualiti.

92. Kita jangan biarkan generasi muda terjebak kepada kegiatan negatif khususnya sikap mementingkan wang atau kebendaan atau mementing diri untuk memenuhi nafsu diri. Kita harus mempertingkatkan usaha ke arah menerap nilai-nilai positif dan pembentukan karakter masyarakat agar ciri-ciri yang tidak kelihatan (intangible qualities) seperti kebaikan hati, kejujuran, keikhlasan, pengasih, setia, rajin bekerja, integriti, suka menolong, berani, tahan lasak, dan lain-lain menjadi tabiat dan amalan sihat.
93. Untuk meneruskan perjuangan ini, amat penting bagi kita semua memahami perjuangan kita. Saya meminta agar setiap ahli-ahli PBS menghayati wawasan, misi dan matlamat kita bersama. Sebagai persiapan untuk membentuk pemimpin-pemimpin generasi muda, saya mencadangkan agar PBS melaksanakan cadangan menubuhkan Akademi Kepimpinan Politik (PBS) yang telahpun dibincangkan sebelum ini. Ia bertujuan untuk melatih pemimpin-pemimpin parti dalam teori dan amalan kepimpinan politik dan sejarah serta matlamat perjuangan PBS/BN.
94. Akademi ini juga bertujuan untuk melahirkan barisan pemimpin-pemimpin masa depan yang berkaliber, bermaruah

dan berjiwa rakyat. Kita akan mempunyai program penambahan ilmu dan kemahiran pemimpin-pemimpin parti dalam bidang sosioekonomi, perniagaan dan teknologi maklumat melalui program pendidikan sepanjang hayat.

95. Melalui akademi ini, kita juga akan memperkenalkan program untuk memastikan pemimpin-pemimpin kita memahami dan akan dapat membantu rakyat untuk meningkatkan status sosio-ekonomi dan pendapatan ahli-ahli parti serta rakyat jelata melalui penyelesaian masalah tanah dan memperbaiki “*access*” kepada bantuan kerajaan serta meningkatkan infrastruktur pemasaran.

96. Harus ditekankan bahawa pemimpin masa depan adalah pemimpin “hands on” yang terlibat secara langsung dalam pembangunan masyarakat, yang memahami masalah masyarakat dan mempunyai kemahiran dan berkemampuan untuk memberi bantuan. Kita akan melahirkan pemimpin yang mempunyai karakter dan kecekapan yang sebagai bakal pemimpin masa depan parti kita.

Tuan-tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

PENUTUP

97. Sebagai penutup saya ingin mengatakan bahawa tuan-tuan dan puan-puan adalah sumber inspirasi dan kekuatan pihak kepimpinan parti untuk terus berjuang demi masa depan rakyat negeri Sabah tersayang. Tanpa tuan-tuan dan puan-puan sekalian, tidak mungkin saya dapat menanggung beban tanggungjawab ini sebagai Presiden PBS yang amat berat terutamanya di saat-saat genting dalam hidup saya dimana, saya hampir-hampir tersungkur jatuh di medan pertempuran politik.

98. Dengan hati yang terharu dan dari lubuk hati sanubari saya yang ikhlas, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan, pemimpin-pemimpin serta ahli-ahli dan penyokong-penyokong PBS sekalian, baik yang berada di dewan ini mahupun di luar sana, atas sokongan yang tidak berbelah bagi. Segala budi baik serta kasih sayang kepada pihak pimpinan parti khasnya saya dan keluarga, saya anggap sebagai lebih bernilai dari intan dan permata.

Kuat pokok kerana akarnya
Kuat parti kerana akar umbinya
Kuat akar umbi kerana perjuangannya
Kuat perjuangan kerana pejuang-pejuangnya ikhlas dan setia

99. Marilah kita teruskan perjuangan kita yang belum selesai. Marilah bergandingan tangan saling sokong menyokong sesama sendiri, bekerjasama antara satu sama lain tanpa mengira suku kaum, agama dan kedudukan dalam hidup dengan semangat setiakawan yang erat.

100. Ayoh! Kita memandang terus ke hadapan, seiring sejalan, sehati sefikir, seia dan sekata dalam perjuangan demi rakyat dan masa depan kita dan anak-anak cucu kita yang tersayang.

BERSATU ! BESATU! BERSATU!